

Resensi Hukum Syarak Terhadap Status Harta Syubhah Menurut Ulama Shafi`iyah

Ahmad Misbah Mohamad Hilmi*, Mohamad Rofaizal Ibrahim*, Mohamad Ismail Abdullah*,
Khairul Anuar Ahmad*

*Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)

E-mail: ahmadmisbah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan (*Library Research*). Sumber kajian ini adalah kitab-kitab *fiqh al-Shafi`iyah*, *usul fiqh* dan *al-Qawaid al-Fiqhiyah* yang berkaitan dengan perkara kajian iaitu Harta Syubhah. Ada yang berpandangan harta syubhah tidak termasuk dalam harta yang wajib dizakatkan kerana Allah SWT hanya menerima dari sumber yang halal dan baik sahaja. Masalah ini berpunca daripada kefahaman yang cetek terhadap realiti sebenar percampuran antara halal dan haram yang menimbulkan syubhah. Ini ditambah lagi dengan ulasan-ulasan terhadap nas-nas syarak secara tekstual tanpa dirujuk kepada metodologi hukum yang jelas dan objektif syarak yang tepat. Oleh yang demikian, tulisan ini ingin menjawab persoalan tentang implikasi pemurnian hukum syarak terhadap isu-isu harta syubhah. Ia dapat dijadikan dalil dalam pemurnian hukum syarak atau diterima sebagai kaedah hukum Islam. Untuk tujuan itu, metode *deskriptif*, dan analisis isi (*content analysis*) digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pemurnian hukum Islam penting, terutamanya terhadap status harta syubhah.

Kata kunci: Pemurnian, Hukum, Harta, Syubhah, Zakat

PENDAHULUAN

Hukum Islam yang sedia ada dalam berbagai kitab fikah adalah hasil ijtihad ulama k masa lalu. Menjadi kewajipan ke atas setiap insan yang bergelar Muslim untuk berusaha mencari harta dengan menelusuri cara dan mengikut jalan-jalan yang dibenarkan oleh syarak. Oleh itu, setiap insan yang bergelar Muslim wajib berusaha menghindarkan diri dari perkara-perkara yang haram dan syubhah. Menjauhi perkara-perkara yang haram merupakan salah satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan. Contoh perkara haram dalam muamalat ialah 1) memperolehi harta melalui penipuan, 2) perjudian, 3) merampas, 4) mengingkari hak orang lain, 5) mengambil sesuatu tanpa kerelaan pemilik, 6) mengambil sesuatu dengan

kerelaan pemilik tetapi dengan sebab yang diharamkan oleh syarak seperti menerima upah hasil aktivi pelacuran, menilik nasib, wang hasil jualan arak dan khinzir.

LATAR BELAKANG MASALAH

Hukum Islam merupakan satu ketentuan yang mengatur tindaklaku manusia, samada ia adalah *mansus* dalam Quran dan Hadis ataupun hukum-hukum yang dibentuk melalui ijtihad para mujtahid. Hukum Islam yang *mansus* atau *al-nusus al-muqaddasah* dan *al-hadith* disebut syariah. Syariah bersifat *al-thawabit* atau stabil dan tidak dapat berubah. Manakala hukum Islam yang berasal dari pemahaman para mujtahid terhadap *al-nusus al-muqaddasah: al-quran, al-hadith* dan sumber-sumber lain disebut *fiqh*. Ini membolehkan *fiqh* berkembang, bervariasi, berubah sesuai dengan perubahan situasi dan memenuhi tuntutan kehidupan manusia. Namun salah faham status harta timbul kerana mengelaskan setiap perkara yang samar-samar hukumnya berikutan kewujudan unsur-unsur haram dalam aktviti ekonomi tersebut hingga dengan mudah diputuskan sebagai haram. Sering juga kedengaran pihak-pihak tertentu yang mengaitkan persoalan percampuran antara halal dan haram untuk menghukumkan sesuatu itu sebagai haram tanpa mengambil kira dalil, kaedah, perincian dan *takyif fiqh* yang ditetapkan oleh syarak. Sebahagian berpandangan harta yang syubhah tidak termasuk dalam harta yang wajib dizakatkan kerana Allah SWT hanya menerima amalan hamba-hamba-Nya dari sumber yang halal dan baik sahaja. Menghukumkan sesuatu sebagai haram hanya kerana terdapat unsur-unsur kesamaran dan kekeliruan dalam suatu urusaniaga dan pendapatan merupakan tindakan gopoh yang bukan sahaja menimbulkan keraguan yang tidak munasabah. Masalah ini berpunca daripada kefahaman yang cetek terhadap realiti sebenar percampuran antara halal dan haram yang menimbulkan syubhah. Ini ditambah lagi dengan ulasan-ulasan terhad terhadap nas-nas syarak secara tekstual tanpa dirujuk kepada metodologi hukum yang jelas dan objektif syarak yang tepat. Akibatnya, lahirlah tafsiran sempit berkenaan syubhah yang ternyata tidak bersesuaian dengan kehendak nas serta realiti semasa yang berlaku.

TEORI PERUBAHAN HUKUM SYARA'

Kata 'pembaharuan' bermakna proses, cara, perbuatan memperbarui¹. Dalam literatur Islam, kata *taghayyur* diguna untuk pembaharuan. Secara etimologi, kata *taghayyur* berasal dari kata *تغير* bererti merubah sesuatu atau menggantinya sehingga membuatnya tidak seperti asal (Lisan, Jilid 5, h.40).

Justeru Istilah ini amat tepat untuk menunjukkan bahawa hukum Islam atau *fiqh* dapat mengalami perubahan kerana berlakunya perubahan masa, lingkungan dan situasi baru. Dalam kaitan ini, al-Zarqa menyusun kaedah *fiqh* sebagai berikut (*Sharah Qawa'id al-Fiqhiah*. h.227):

تغير الفتوى بتغير الزمان والمكان والأحوال والعادات

Perubahan fatwa (hukum) dan perbedaannya terjadi dengan adanya perubahan waktu, tempat, situasi dan adat.

¹ Lihat <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=pembaharuan>; sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, sistem, adat, dan lain-lain yang baru dalam Kamus Dewan Edisi Keempat.

Melalui kaedah ini, hukum Islam mengalami perubahan kerana perubahan masa merupakan hukum Islam yang ditetapkan berlandaskan *'urf* dan *maslahah*. Perubahan yang demikian penting dilakukan agar hukum Islam mampu membawa kemaslahatan dan kelapangan bagi kehidupan manusia dan mampu menjawab berbagai persoalan yang terjadi dalam kehidupan mereka.

Istilah *hukm* muncul dengan berbagai kata lain, seperti hukuman, berhukum, menghukum, terhukum, hakim, berhakim, menghakimi dan kehakiman.² Semua kata ini berasal dari kata *hukm* dalam bahasa Arab. Kata *hukm* dengan jamaknya *ahkam* berasal dari kata kerja *hakama, yahkumu*. Kata ini bermaksud memutuskan, menghukum, menetapkan, mengadili, dan mengendalikan (Lisan, Jilid 12, h. 140-144).

Istilah *shari`ah* pula bermaksud agama yang meliputi aspek keyakinan (akidah) dan segi amalan dalam agama, kemudian para *fuqaha'* membataskan pengertiannya secara khusus untuk menunjukkan ketentuan-ketentuan hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia yang terhasil dari *istinbat* hukum yang sah (*al-Madkhal Li al-Dirasah al-Fiqh al-Islami*, 1961).

RESENSI HUKUM SYARAK BERKAITAN HARTA SYUBHAH

Untuk mencapai maksud hukum syarak adalah dengan cara berikut;

Pertama, memahami *al-nusus* yang berbahasa Arab. Dalam konteks ini, *al-nusus* itu sendiri merupakan *al-maqasid al-shari`ah* yang perlu difahami secara tepat dan benar.

Kedua, pendekatan *`illat* dan hikmah. Ini perlu dilakukan dengan cermat dan mendalam hingga dapat mengenal *`illat* dan hikmah pada setiap perintah dan larangan dalam Quran dan Hadis.

Ketiga, menurut Syatibi (*al-Muwafaqat*, h.154-155) pendekatan *al-maqasid al-asliyyah*³ wa *al-maqasid al-tab`iyyah*⁴. Hukum-hukum yang ditetapkan Allah dan Rasul melalui Quran dan Hadis, semuanya mempunyai tujuan-tujuan asal (*maqasid al-asliyyah*) dan tujuan-tujuan sokongan (*maqasid al-tab`iyyah*).

Keempat, pendekatan *sukut al-shari`*⁵. Menurut Syathibi, *sukut al-shari`* ini terjadi disebabkan dua faktor kemungkinan. Pertama, peristiwa hukum terjadi dan *Shari`* diam, tidak menjelaskan kedudukan hukumnya. Kedua, *Shari`* diam tidak menyampaikan suatu hukum kerana memang peristiwa hukum tidak ada. Ini sebagai isyarat *Shari`* memberikan keleluasaan kepada manusia melakukan suatu perbuatan. Banyak peristiwa hukum yang muncul setelah Nabi SAW wafat yang belum mendapat ketentuan hukum dari *Shari`*. Semua persoalan muamalah yang *maskut`anhu* termasuk kelompok ini. Diamnya *Shari`* dalam masalah muamalah sebagai isyarat hal itu boleh dilakukan melalui prinsip *al-bara`ah al-asliyyah*, iaitu hukum asal suatu bentuk muamalah yang bermanfaat diperbolehkan (Ilmu Usul, h.115).

² Lihat <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=hukum>, pada 26 Jan 2019.

³ Adalah kemaslahatan yang mesti ada pada setiap *mukallaf* meliputi semua yang bersifat *daruriyat* (asasi) dalam setiap perkara. Ini bermaksud *al-maqasid al-asliyyah* adalah kembali pada pemeliharaan lima hal utama (*al-Kulliyat al-Khams*) yang meliputi agama, diri, akal, keturunan, dan harta Lihat Syatibi.

⁴ Adalah segala sesuatu yang mendukung dan berkaitan dengan terwujudnya *al-maqasid al-asliyyah*, samada ia dari perintah agama atau dari inovasi manusia melalui perbuatan-perbuatan seharian.

⁵ Kata *sukut* dari sudut bahasa bererti diam atau tidak bersuara. Secara istilah *sukut al-shari`* adalah diamnya *Shari`* tanpa memberikan ketentuan hukum suatu peristiwa, samada dalam isu-isu ibadah atau muamalah guna mencapai suatu tujuan.

KONSEP HARTA SYUBHAH MENURUT SHAFTIYYAH

Syubhah menurut imam al-Ghazali ialah “perkara yang samar-samar disebabkan berlakunya pertembungan antara dua pegangan yang timbul dari dua bukti atau sebab” (*Ihya Ulumuddin*, h.99). Syubhah berlaku kerana wujudnya sebab-sebab tertentu yang menimbulkan tanda tanya sama ada hukum sesuatu perkara itu halal atau haram. Persoalan syubhah tidak timbul dari keraguan semata-mata iaitu sangkaan yang tidak disandarkan kepada sebab-sebab yang boleh menimbulkan keraguan. Status halal atau haram sesuatu perkara hanya perlu dipersoalkan apabila terdapat dua tanda atau bukti yang saling bertentangan. Imam al-Ghazali menyebut:

الشبهة المحذورة ما تنشأ من الشك و الشك عبارة عن اعتقادين متقابلين نشأ عن سببين فما لا سبب له لا يثبت عقده في النفس حتى يساوي العقد المقابل له فيصير شكاً

Maksudnya:

Syubhah yang ditegah ialah syubhah yang lahir dari keraguan. Manakala keraguan ialah pertembungan antara dua pegangan kerana wujud dua sebab (sebab yang mengharuskan dan menghalalkan). Keraguan yang tidak bersandarkan kepada sebab adalah keraguan yang tidak kukuh supaya bersamaan kuat antara dua perkara dan seterusnya ini menimbulkan syak.

Imam al-Jarhari (t.t) menakrifkan syubhah sebagai ketidaktahuan untuk menentukan halal atau haram secara pasti. Imam Thash Kubri (*Miftah al-Sa`adah*) pula memberi takrifan syubhah sebagai keraguan mengenai keharaman sesuatu perkara yang bersandarkan kepada bukti yang bercanggah dengan hukum asal . Menurut Ibnu Hajar (*Fath al-Bari*), syubhah ialah perkara-perkara yang diragukan mengenai kehalalannya dan yang disangsikan mengenai keharamannya kerana mirip kepada halal dan haram. Al-San`ani (1409H) menyatakan syubhah ialah perkara yang memberi keraguan pada hati dan tiada sebarang petunjuk yang boleh dijadikan pedoman dan syubhah tidak semestinya haram. Syubhah ialah perkara yang berada antara halal dan haram, iaitu antara halal mutlak dan haram mutlak atau yang berlaku percampuran antara halal dan haram seperti berurusan dengan orang yang bercampur hartanya dengan haram (Ibnu Rajab, *Jami` al-`Ulum wa al-Hikam*). Makna lain pula ialah syubhah berlaku disebabkan terdapatnya dua bukti yang saling bertentangan antara satu sama lain pada satu perkara sehingga berlakunya keraguan untuk menghukumnya halal atau haram (*Al-Futuhat al-Rabbaniyyah*).

PERBAHASAN DEFINISI SYUBHAH

Terdapat perkara syubhah yang hanya dikategorikan sebagai makruh seperti berlakunya percampuran dua perkara yang menyebabkan kesamaran hukum mengenai sesuatu perbuatan. Namun kedua-dua perbuatan yang menimbulkan keraguan tersebut setiap satunya telah diketahui status hukumnya. Contohnya menyembelih haiwan yang halal dimakan dengan pisau yang dicuri sedangkan haiwan yang disembelih adalah milik penyembelih. Tiada kesamaran pada menentukan hukum haiwan yang disembelih menggunakan pisau yang dicuri kerana dosa menggunakan pisau yang dicuri telah diketahui dan halalnya haiwan yang disembelih juga telah diketahui. Tetapi situasi ini dikategorikan sebagai syubhah kerana berlaku percampuran, kesamaran dan keraguan.

Secara umumnya ulamak berkhilaf mengenai *al-mutashabihat* dalam beberapa pandangan:

Pertama, perkara yang terdapat percanggahan dalil yang mengharamkan dan yang menghalalkan. Percanggahan ini berlaku terhadap ulamak k yang bertaraf mujtahid yang mencari dalil dan juga orang awam yang ragu-ragu mengenai hukum sesuatu perkara (Ya'qub, *Raf'u al-Haraj fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*).

Kedua, perkara yang terdapat khilaf ulamak k mengenainya. Syubhah pada perkara khilaf berlaku pada orang awam atau *muqallid* (Muhamad, *Kasyf al-Shubuhah*).

Ketiga, perkara-perkara makruh kerana makruh lebih hampir kepada haram berbanding halal (Ishak. 2004. *Masail al-Imam Ahmad*).

Keempat, perkara yang tidak terdapat sebarang dalil mengenainya. Namun pendapat yang paling tepat ialah perkara yang tidak terdapat sebarang dalil mengenainya sama ada haram atau halal kekal sebagai harus dan halal (Yahya.1975. *Al-Kaukab al-Durriy`ala Jami` al-Tirmidhi*).

Kelima, *al-mutashabihat* adalah percampuran antara halal dan haram. Haram berurusniaga dengan orang yang harta haramnya lebih banyak dari yang halal (al-Khattabi.1932.*Ma`alim al-Sunan Sharh Sunan Abu Dawud*).

Keenam, *al-mutashabihat* adalah perkara yang sabit dengan dalil yang lemah atau dengan *qiyas* (Abdullah.2007.*Taysir al-`Allam Sharh`Umdat al-Ahkam*).

FAKTOR-FAKTOR SYUBHAH

Pengetahuan mengenai faktor-faktor syubhah penting untuk mengenalpasti sebab-sebab yang menimbulkan keraguan yang membawa kepada syubhah. Justeru, Imam al-Ghazali (*Ihya' `Ulumuddin*) menggariskan beberapa pembahagian mengenai faktor-faktor yang menimbulkan sebab-sebab berlakunya syubhah, antaranya:

Perselisihan Berkaitan Dalil

Dalam kesemua situasi di atas, sekiranya dalil-dalil yang diperselisihkan tidak dapat ditarjihkan maka hukum mengenainya diputuskan mengikut hukum asal (الاستصحاب). Sekiranya dalil tersebut boleh ditarjihkan maka hukum mengenainya diputuskan mengikut yang terkuat.

Meninggalkan perkara yang berlaku perselisihan hukum di kalangan ulamak:

Amat digalakkan meninggalkannya iaitu sekiranya suatu pihak mempunyai dalil yang lebih kuat sekalipun menyalahi fatwa mufti atau mazhab yang mengharuskannya. Contohnya, tidak makan haiwan yang disembelih sekiranya penyembelih terlupa untuk membaca *basmalah* kerana terdapat dalil dari Quran yang mewajibkannya dan hadis-hadis mengenai perintah membaca *basmalah* ketika menyembelih adalah *mutawatir*.

Was-was iaitu meninggalkan perkara yang diharuskan dengan dalil yang kuat seperti tidak memakan janin haiwan yang mati kerana sembelihan ibunya.

Warak pada perkara-perkara harus yang masyhur bersumberkan hadis ahad tidak dibenarkan seperti menolak untuk menerima pembahagian faraid antara cucu dan datuk.

Contoh dalam konteks muamalah semasa ialah menolak untuk melakukan urusniaga dengan bank-bank Islam atas nama warak kerana wujudnya syubhah disebabkan instrumen kewangan bank-bank tersebut telah diperselisihkan oleh ulamak . Meninggalkan perselisihan ini yang haram tetapi atas dasar *wara' al-solihin*⁶ kerana ia berkaitan dengan

⁶ Meninggalkan perkara-perkara syubhah yang tidak diwajibkan tetapi dilakukan sebagai langkah berwaspada merupakan amalan orang-orang soleh. Mereka yang bersifat dengan warak ini akan meninggalkan perkara-perkara yang dihukumkan harus oleh seorang mufti berdasarkan pengamatannya yang zahir sebagai menyahut saranan dari Rasulullah SAW dalam sabda baginda (دع ما يريبك إلى ما لا يريبك).

fiqh dalil dari nas Quran dan hadis yang disimpulkan oleh ulamak -ulamak yang berkecimpung dalam bidang ini berdasarkan pengamatan mereka terhadap nas-nas syarak yang berkaitan.

Imam al-Syaukani berpandangan bahawa faktor yang menimbulkan syubhah adalah disebabkan kesamaran mengenai dalil yang mengharamkan dan yang menghalalkan dan percanggahan bukti, tanda atau alamat (Al-Syaukani, *Ihkam al-Ahkam sharh `Umdat al-Ahkam*). Faktor lain berlakunya syubhah ialah kerana wujud pertembungan antara dalil dan bukti yang mengharuskan dengan dalil yang mengharamkan. Sekiranya bukti tersebut hampir kepada halal maka dihukumkan halal dan jika hampir kepada haram dihukumkan haram. Namun jika bukti keduanya hampir sama sehingga sukar menentukan mana yang lebih dominan, perkara tersebut seharusnya ditinggalkan kerana telah menimbulkan syubhah. Ketiadaan dalil halal atau haram mengenai sesuatu perkara juga merupakan salah satu faktor syubhah. Khilaf ulamak mengenai hukum sesuatu perkara juga merupakan salah satu dari faktor syubhah (Al-Iz bin Abd al-Salam,, *al-Qawa'id al-Kubra. Dar al-Qalam*).

Keraguan pada sebab yang menjadikan sesuatu perkara halal atau haram

Situasi keraguan pada sebab atau bukti terbahagi kepada dua:

Pertama, Dalil yang mengharamkan dengan dalil yang menghalalkan sama kuat. Apabila berlaku keadaan seperti ini perkara yang diragui itu dikembalikan kepada hukum asalnya dan tidak boleh berpegang dengan syak yang berlaku. Jika perkara yang diragui itu adalah halal sebelum berlakunya syak maka dihukumkan halal dan jika hukum asalnya adalah haram maka hendaklah dihukumkan haram.

Kedua, salah satu sebab atau dalil itu terlebih kuat dari yang lain. Apabila salah satu sebab atau dalil terlebih kuat maka hukum mengenai perkara yang diragui itu diputuskan mengikut sebab atau dalil yang terkuat.

Situasi keraguan ini dibahagikan kepada empat bahagian:

- i- Hukum pengharamannya telah pun diketahui kemudian berlaku syak mengenai sebab yang memungkinkannya menjadi halal.
- ii- Keraguan mengenai sebab yang mengharamkan pada perkara yang telah pun diketahui halal. Dalam situasi ini perkara tersebut dihukumkan halal sepertimana asalnya.
- iii- Keraguan pada bukti atau tanda yang mengubah perkara haram kepada halal. Perkara yang pada asalnya adalah haram namun berlaku syak mengenai hukum halalnya yang timbul kerana kerana terdapat sangkaan yang kuat yang berpandukan kewujudan sebab-sebab yang kukuh. Dalam situasi ini perkara tersebut dihukumkan halal berpandukan kewujudan sebab-sebab yang menjadikannya halal walaupun status asalnya ialah haram. Bukti yang dijadikan sandaran tersebut mestilah kuat dan kukuh serta termasuk dalam kategori sebab-sebab diharuskan oleh syarak.
- iv- Keraguan pada bukti atau tanda yang mengubah perkara halal kepada haram. Perkara yang pada asalnya adalah halal namun berlaku syak mengenai hukum haramnya yang timbul kerana kerana terdapat sangkaan yang kuat yang berpandukan kewujudan sebab-sebab yang kukuh. Dalam situasi ini perkara tersebut tidak boleh dihubungkan dengan hukumnya yang asal bahkan dihukumkan haram.

Percampuran Antara Haram dan Halal

Percampuran antara halal dan haram merangkumi pendapatan seperti wang ringgit, makanan dan barang perniagaan. Penentuan hukum mengenai masalah percampuran antara halal dan

haram ditentukan dengan melihat kepada keterbatasan percampuran tersebut. Keterbatasan percampuran antara halal dan haram pula ditentukan dengan melihat kuantiti percampuran iaitu sama ada kuantiti halal mengatasi kuantiti haram atau sebaliknya.

Percampuran dari kategori ini ialah percampuran antara haram dan halal dalam kuantiti yang sedikit sehingga menimbulkan keraguan kerana tidak dapat dibezakan lagi antara unit halal dan haram. Maka percampuran sebegini dikategorikan sebagai percampuran yang terbatas.

Sumber yang Menjadikan Sesuatu Perkara Itu Harus atau Halal Berhubungan dengan Maksiat dan Dosa

Sebab atau punca seterusnya ialah timbulnya keraguan dan syubhah disebabkan sesuatu perbuatan atau perkara yang menjadi penentu kepada halal sesuatu adalah perkara lain yang berhubung dengan dosa dan maksiat. Namun dosa atau maksiat tersebut tidak memberi kesan kepada kerosakan akad atau boleh membatalkan sebab yang memberi kesan kepada keharusan sesuatu. Imam al-Ghazali (*Ihya' `Ulumuddin*) membahagikan dosa dan maksiat yang berhubung dengan sebab-sebab yang mengharuskan sesuatu sama ada akad atau perbuatan sebagai:

a- Qara'in

Perkara haram yang tidak berkait secara langsung (*ghayr lazim*) iaitu dosa yang tidak memberi kesan dari sudut sah dan batal akad. Sebab yang mengharuskan sesuatu itu halal atau harus disertai dengan perkara yang berkaitan dengan dosa dan maksiat. Contohnya ialah jual beli yang dilakukan pada waktu azan Jumaat sedang dilaungkan. Menurut Imam al-Ghazali setiap larangan yang tidak memberi kesan dari sudut sah dan batal akad maka mengelakan diri dari akad-akad tersebut adalah warak walaupun yang diperolehi dari akad-akad tersebut tidak dihukumkan haram.

b- Lawahiq

Dosa dan maksiat yang menyusul dari perbuatan yang harus seperti menjual anggur kepada pembuat arak atau menjual senjata kepada orang yang diketahui kebiasaannya melakukan kerosakan. Jual beli tersebut adalah sah namun harganya adalah makruh dan penjual berdosa kerana membantu pembeli melakukan maksiat ini adalah pendapat yang masyhur dan disepakati dalam mazhab Syafi'i.

Setiap barangan yang dijual kepada pembeli perlu dilihat dari dua sudut:

- i. Barangan tersebut digunakan untuk maksiat secara langsung seperti rumah yang dibeli untuk digunakan sebagai tempat pelacuran, maka penjualan tersebut haram tetapi akad jual belinya sah.
- ii. Barangan tersebut tidak digunakan untuk maksiat secara langsung seperti memberi hadiah, maka perbuatan tersebut dihukumkan sebagai makruh - jual belinya sah.

Contoh yang diberikan oleh Imam al-Ghazali walaupun menunjukkan ada unsur-unsur kerjasama yang menyumbang kepada kemaksiatan namun yang menjadi keutamaan dalam menentukan status

pendapatan yang diperolehi ialah dari sudut keabsahan kontrak dan seterusnya menentukan status pendapatan yang diterima hasil dari transaksi tersebut.

c- Muqaddimat

Bermaksud perbuatan harus yang didahului oleh maksiat.

- i. Sangat makruh jika elemen maksiat kekal pada perkara yang dijual atau dimakan.
- ii. Makruh, jika elemen maksiat tidak berkait secara langsung seperti tumbuhan yang disiram dengan air sungai yang digali oleh orang-orang yang zalim.
- iii. Was-was atau *mubalaghah* (berlebih-lebihan), jika elemen maksiat tiada kaitan dengan barang atau wang yang diterima seperti barangan halal yang berada di tangan penzina, penyebar fitnah dan sebagainya.

d- `Iwad (nilai tukaran)

Melakukan urus niaga pembelian dengan wang haram. **Sangat makruh** seperti membayar hutang makanan dengan wang haram. Ini boleh berlaku dalam situasi seperti berikut:

- i. Membeli sesuatu secara hutang dan kemudian membayar harganya dengan wang haram.
- ii. Membeli makanan dan dimakan kemudian dibayar menggunakan wang haram – makanan tersebut halal.
- iii. Penjual menghalalkan harga kerana mengetahui wang yang dibayar ialah wang haram – hutangnya terlepas.
- iv. Penjual menghalalkan harga tersebut tanpa mengetahui bahawa wang yang diserahkan oleh pembeli adalah wang haram.

ISU-ISU DALAM HARTA SYUBHAH

Syubhah yang berlaku sama ada perkara halal yang dikhuatiri boleh membawa kepada haram atau makruh perlu dielakkan. Perkara makruh merupakan jarak pemisah antara individu dan perkara haram. Memperbanyakkan perkara makruh akan membawa kepada melakukan perkara yang haram. Mereka yang banyak terlibat dengan perkara syubhah berpotensi untuk terjebak dalam perkara haram tanpa disengajakan dan berdosa jika cuai. Orang yang selalu mengambil mudah atau bersikap tidak acuh dengan perkara syubhah dan tidak meninggalkannya maka dia akan terjebak dalam syubhah yang lebih besar sehingga akhirnya melakukan perkara yang diharamkan (Al-Nawawi, *al-Arba`in al-Nawawiyah*). Ulamak silam telah membincangkan hukum berkaitan keuntungan yang diperolehi dari perniagaan halal, namun modalnya berpunca dari wang curi atau haram. Menjawab persoalan ini kita perlu meneliti dua perkara di bawah:

- i. Modal haram.
- ii. Keuntungan hasil dari pelaburan modal yang diperolehi secara haram. Ulamak telah berbeza pendapat dalam permasalahan ini kepada kepada dua pendapat.

Pendapat pertama:

Keuntungan perlu mengikut modal yang dilaburkan bukan usaha yang dilakukan. Maka modal serta keuntungan tersebut hendaklah diserahkan kepada pemilik yang sebenar.

Pendapat kedua:

Keuntungan pelaburan dari modal haram perlulah mengikut usaha yang dicurahkan. Menurut pendapat ini, pemilik harta asal hanya berhak mendapat harta pokoknya sahaja bukan keuntungan.

KESIMPULAN

Antara halal mutlak dan haram mutlak terdapat perkara-perkara yang tidak jelas hukumnya. Ketidakjelasan ini berlaku kerana wujudnya sangkaan dan menimbulkan kesamaran mengenai kemungkinan berlakunya situasi-situasi tertentu yang boleh mengubah hukum asal. Was-was tidak dikategorikan sebagai warak. Menurut imam al-Ghazali orang yang was-was telah terkeluar dari kategori warak yang sebenar. Warak orang yang was-was merupakan waham atau prasangka semata-mata. Keraguan yang timbul disebabkan percanggahan antara hukum asal dengan amalan kebiasaan, pekerjaan, khabar angin atau amalan kebiasaan setempat dikembalikan kepada hukum asal selagi tidak terdapat bukti-bukti kukuh yang menyanggah hukum asal.

RUJUKAN

- al-Ghazali, A. H. (2005). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar Ibnu Hazm
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadhan. 1977. *Dawabit al-Maslahah fa al-Shari'ah al-Islamiyyah* Cet. ke-3. Beirut: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Haytami, A. B. 1983. *Tuhfat al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj*. Misr: Al-Maktabah al-Tijariyyah Al-Kubra.
- _____. t.t. *Al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyyah*. Mesir: Syari' Al-Mashad Al-Husaini.
- Al-Nawawi. t.t. *Al-Majmu' Sharh Al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah Al-Irshad.
- , Abu Zakariyya ibn Abu Zakariyya. t.t. *Sharh al-Nawawi 'ala Matn Minhaj al-Talibin* Jilid 11. Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, Abu 'Abdillah Muhammad ibn Ahmad al-Ansori, t.t. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* Jilid 3, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Rabi'ah, 'Abd al-'Aziz ibn 'Abd al-Rahman ibn 'Ali. 1979. *Adillah al-Tashri' al-Mukhtalaf fi al-Ihtijaj biha (al-Qiyas, al-Istihsan, al-Istislah, al-Istishab)* Cet. ke-1. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Sayuti, 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr ibn Muhammad Jalal al-Din. 1983. *Al-Ashbah wa Al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad. 1997. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah* Cet. ke-1, Dar ibn 'Affan.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa ibn Thawrah. 1994. *Sunan al-Tirmidhi* Juz. 3. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Zarqa', Ahmad ibn Shaykh Muhammad. 1989. *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damaskus: Dar al-Qalam.
- Khallaf, 'Abd al-Wahhab. 1978. *Ilmu Usul al-Fiqh* Cet. ke-12. Kaherah: Dar al-Qalam.